

Safe Kids UPM menang anugerah keselamatan jalan raya

FEDEX baru-baru ini telah menyampaikan Anugerah FedEx Road Safety 2017 sempena *5th Global Meeting of Non-Governmental Organisation Advocating for Road Safe and Road Victims*.

Sebanyak tiga pertubuhan bergiat aktif dan cemerlang dalam program Keselamatan Jalan Raya yang dianjurkan di negara mereka terpilih pada 2017 untuk memenangi anugerah ini.

Pertubuhan berkenaan ialah Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM), organisasi Africans Against Drunk Driving dari Afrika Selatan dan organisasi Alinagon dari negara Benin.

Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia UPM, Profesor Madya Dr Kulanthayan KC Mani dari Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti

Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM, merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama Safe Kids Malaysia UPM sejak 2011 sehingga sekarang dalam membantu dan bekerjasama bagi menangani bersama masalah kemalangan jalan raya di negara ini.

"Safe Kids Malaysia UPM akan bekerja lebih kuat lagi untuk membantu negara mencapai sasaran *Sustainable Development Goal 3.6* iaitu mengurangkan kematian dan kecederaan sebanyak 50% menjelang 2020.

"Safe Kids Malaysia UPM juga akan meneruskan dan memperluaskan lagi Program Putra Bakti - Intervensi Penggunaan Topi Keledar Motosikal Kanak Kanak bagi keselamatan kanak-kanak di Malaysia," jelasnya.



Kulanthayan (dua, kanan) bersama pemenang lain selepas menerima Anugerah FedEx Road Safety 2017.